JOM JAPAN
Travel Halal Japan

# Profil Syarikat 2026




Dimiliki oleh
ASUMA TRAVEL

SSM: 1310173-P / 201901000847 | MOTAC: L/N/11970

jomjapan.com

# Company Particulars
Butiran Syarikat

## Company Legal Name
Asuma Travel Sdn. Bhd.

## Core Business
Japan Muslim Ground Operator

## SSM Information
201901000847 (1310173-P)

## MOTAC License
MOTAC L/N/11970
(Valid until 25/11/2028)

## Year Established
2019

## Location of Operation
Ampang, Malaysia

## Website
jomjapan.com
asumatravel.com

# Isi Kandungan

## 1 Tentang JomJapan


| | |
|---|---|
| Latar Belakang & Nilai Teras | 2 |
| Rakan Kerjasama & Sokongan Strategik | 4 |
| Carta Organisasi | 5 |
| Kenapa JomJapan Menjadi Pilihan? | 6 |


## 2 Perkhidmatan Kami


| | |
|---|---|
| Jenis Trip & Pakej | 9 |
| Testimoni Pelanggan | 11 |
| Proses Tempahan | 12 |
| Butiran Pembayaran | 13 |


## 3 Soalan Lazim


| | |
|---|---|
| Destinasi Pilihan | 14 |
| Cuaca & Musim di Jepun | 15 |
| Panduan Makanan Halal | 16 |



# Tentang JomJapan

## Siapakah JomJapan?

### Latar Belakang

JomJapan diasaskan oleh dua graduan dari Jepun, Abdul Hadi dan Zulfi Shaini, dengan aspirasi untuk membuka peluang yang lebih luas kepada pelancong Muslim untuk menikmati keindahan negara Jepun.

Dengan pengalaman akademik dan kehidupan mereka di Jepun, kedua-duanya mempunyai kepakaran serta pemahaman mendalam terhadap keperluan pelancong Muslim.

Sejak penubuhan pada tahun 2015, JomJapan kekal berpegang pada satu misi utama iaitu menjadikan Jepun sebagai sebuah destinasi pelancongan yang mudah, menyeronokkan, dan mesra Muslim tanpa sebarang kebimbangan.

Daripada aspirasi ini, JomJapan telah berkembang menjadi sebuah jenama dengan pasukan hampir 30 orang di bawah syarikat Asuma Travel.

Sebagai pakar dalam menguruskan 'customised private trip' yang eksklusif, JomJapan berpegang teguh kepada tiga nilai teras JomJapan bagi memastikan setiap pelancong dapat menikmati pengalaman Jepun secara menyeluruh dengan seronok, tenang dan yakin.



**Abdul Hadi**
Takushoku University
Tokyo



**Zulfi Shaini**
Ritsumeikan University
Shiga

ASUMA TRAVEL



# Tentang JomJapan

## Siapakah JomJapan?

### Nilai Teras JomJapan

**思いやり**
**Omoiyari**
Ihsan

Penerapan ihsan dalam keseluruhan aspek memastikan setiap keputusan dibuat berdasarkan pertimbangan pelbagai sudut pandang agar pelanggan dan rakan kongsi menikmati pengalaman terbaik sewaktu berurusan dengan JomJapan.

**改善**
**Kaizen**
Penambahbaikan Berterusan

Sebagai syarikat yang berorientasikan teknologi, kami sentiasa berusaha meningkatkan penggunaan teknologi bagi memperkukuh kecekapan operasi dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan rakan kongsi.

**素直**
**Sunao**
Jujur

Amalan komunikasi yang telus dan terbuka membolehkan permasalahan dapat diuruskan dengan lebih cekap dan pantas serta membina kepercayaan yang berpanjangan bersama pelanggan dan rakan kongsi.



# Tentang JomJapan

## Rakan Kerjasama & Sokongan Strategik

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA)

Bumitra Malaysia

SME Corp Malaysia

Sabre

MAS Airlines

AirAsia

# Tentang JomJapan
## Carta Organisasi



**Abdul Hadi**
Chief Executive Officer



**Zulfi Shaini**
Chief Operating Officer



**Muhammad Izaan**
Head of Operations



**Khairul Nizam**
Operations Executive



**Nur Siti Farah**
Customer Experience



**Rifqah Rostam**
Operations Finance



**Shazana Hassandi**
Head of Sales



**Nurul Hidayah**
Sales Executive



**Aiman Adli**
Sales Executive



**Amira Azlina**
Sales Executive



**Irfan Khairul**
Dev Executive



**Hilman Haikal**
Dev Executive



**Nurul Hidayah (Dee)**
HR, Admin & Finance Executive



**Nasrul Hakim**
Creative Content Executive



# Kenapa JomJapan Menjadi Pilihan?

## Keunikan JomJapan

Merancang perjalanan ke Jepun boleh menjadi cabaran yang besar kerana memerlukan perancangan yang panjang dan teliti. Antara kesukaran yang sering dihadapi pelancong termasuklah:

- Perbezaan Bahasa
- Pilihan Makanan Terhad
- Pengurusan Logistik
- Tempat & Waktu Solat
- Pengangkutan Awam Kompleks

Dengan 10 tahun pengalaman,

**JomJapan uruskan semua untuk anda!**




## Tour Guide Berpengalaman & Terlatih

### 🎓 Graduan Jepun

Kesemua Tour Guide JomJapan merupakan graduan Jepun yang pernah menetap bertahun-tahun di sana dan telah disaring mengikut piawaian tertentu.

### ✅ Latihan Profesional

JomJapan menjalankan latihan profesional dan memastikan para Tour Guide mempunyai pengalaman luas dalam mengendalikan pelancong di Jepun.

### 🗣️ Fasih Bahasa Jepun

Penguasaan bahasa Jepun membolehkan Tour Guide membantu pelancong dengan lebih mudah dalam apa jua situasi apabila perlu berinteraksi dengan orang tempatan.

### 🌸 Berpengetahuan Luas

Selain menguruskan perjalanan, Tour Guide JomJapan turut berkongsi sejarah, budaya dan pengalaman autentik di setiap destinasi yang dilawati sepanjang perjalanan.

## Percutian Tenang Tanpa Kerisauan

### 🏨 Penginapan Strategik
Pemilihan penginapan yang selesa dan berhampiran dengan kemudahan awam serta tarikan utama, memudahkan pergerakan untuk ke destinasi pilihan.

### 🚐 Pengangkutan Selesa
Kenderaan disediakan mengikut jumlah penumpang, daripada kereta persendirian, van, hingga bas, untuk keselesaan maksimum sepanjang perjalanan.

### 📌 Itinerari Tersusun & Mesra Muslim
Setiap perjalanan disesuaikan mengikut keperluan, minat, waktu solat dan pengalaman yang diinginkan, sama ada untuk keluarga, kumpulan atau syarikat anda.

### 🍜 Makanan Jepun Halal & Sedap
Dengan rangkaian pengetahuan dan pengalaman kami, JomJapan akan bawa anda untuk mencuba pelbagai pilihan makanan Jepun halal yang sedap dan autentik.




## Sokongan Perjalanan Menyeluruh




### 📝 Sebut Harga & Konsultasi Percuma
JomJapan menyediakan sebut harga berserta itinerari, dan sesi konsultasi untuk menyesuaikan keperluan & kehendak citarasa anda untuk ke Jepun.

### 🎟️ Pengurusan Tempahan & Tiket
Kami akan menguruskan tempahan sepanjang perjalanan seperti tiket kemasukan dan pengangkutan awam. Kami juga menyediakan khidmat untuk pembelian tiket penerbangan jika perlu.

### 🤝 Taklimat Perjalanan & Tour Voucher
Sesi taklimat akan diadakan sebelum perjalanan untuk memberikan perincian mengenai itinerari anda dan penyerahan Tour Voucher sebagai tips dan panduan.

### 💬 Sokongan Sepanjang Trip
Kami akan bersedia sekiranya anda memerlukan bantuan sepanjang trip untuk sebarang pertanyaan atau kecemasan.



# Kenapa JomJapan Menjadi Pilihan?

## Agensi Pelancongan & Korporat

### Kenapa Pilih JomJapan sebagai Tour Operator anda?

Sebagai ground operator dan penyedia servis pelancongan dengan pengalaman lebih dari 10 tahun, JomJapan komited untuk menyediakan pengalaman perjalanan yang lancar, teratur, mesra muslim dan memenuhi piawaian tertinggi.

### Berlesen & Berdaftar

Asuma Travel Sdn. Bhd. berlesen dan berdaftar dengan MOTAC, Kementerian Kewangan Malaysia, serta bekerjasama dengan pelbagai rakan strategik bagi memastikan perjalanan anda mematuhi semua peraturan dan undang-undang.

### Lebih 10 Tahun Pengalaman

Kami berpengalaman dalam menguruskan VVIP, kementerian, pegawai kerajaan dan pelbagai trip syarikat ke Jepun termasuk trip MICE, mesyuarat rasmi, dan team building, dengan memenuhi standard tertinggi bagi setiap aspek perjalanan.

### Custom Itinerari Mengikut Syarikat

Kami akan menyediakan jadual perjalanan yang disesuaikan mengikut keperluan syarikat anda bagi memastikan objektif syarikat atau perniagaan anda tercapai dan lancar.

### Tour Guide Graduan Jepun & Terlatih

Kami satu-satunya syarikat bumiputera yang masih menggunakan Tour Guide yang bergraduan dari Jepun. Setiap Tour Guide kami adalah terlatih dan fasih berbahasa Jepun, Melayu dan Inggeris.

JomJapan akan menguruskan trip anda dari A-Z.
**Anda hanya perlu fokus kepada agenda dan objektif syarikat** sepanjang perjalanan!



# Perkhidmatan Kami

## Jenis Trip & Pakej




### Trip Persendirian

Sesuai untuk kumpulan kecil antara empat hingga dua belas orang seperti keluarga, rakan-rakan, warga emas (termasuk kerusi roda) dan kanak-kanak. Itinerari disesuaikan sepenuhnya mengikut keperluan kumpulan untuk memastikan perjalanan yang lebih fleksibel dan selesa.

---




### Trip Kumpulan & Korporat

Direka untuk rombongan besar antara dua puluh hingga empat puluh orang seperti universiti, sekolah dan organisasi. Sesuai untuk syarikat dan agensi yang menjalankan lawatan kerja, insentif syarikat. Itinerari disusun mengikut objektif organisasi, termasuk lawatan industri, mesyuarat, serta aktiviti santai jika diperlukan. Menggunakan bas persiaran dengan jadual perjalanan yang teratur dan penyelarasan berkumpulan yang lebih rapi. Tempahan dua bulan awal amat digalakkan.




## Trip Terbuka & Kendiri

Untuk pelanggan solo atau berdua, Trip Terbuka boleh disertai melalui Asuma Travel bersama kumpulan kecil sehingga dua belas orang. Manakala Trip Kendiri sesuai untuk mereka yang ingin melancong sendiri tetapi memerlukan perkhidmatan tertentu seperti airport transfer atau pengangkutan di Jepun.

### Untuk maklumat lanjut, layari

**asumatravel.com**




## Pakej Percutian Mesra Muslim Anda



# Testimoni Pelanggan

## Apa kata mereka?




**Baca lebih lagi di Google Maps!**

All · tour guide 25 · team 14

planning 13 · itinerary 10 · halal 8

transportation 6 · hanafi 6 · in sha allah 6

knowledge 6 · accommodation 5

Google Maps


















# Pakej Custom ke Jepun

Mesra Muslim · Sesuai Untuk Keluarga · Bebas Stres · Dirancang Sepenuhnya · Premium & Selesa




# Proses Tempahan

## Trip Peribadi

### 1 Isikan maklumat anda di laman web jomjapan.com

- Nama
- Alamat e-mel
- Nombor untuk dihubungi
- Bilangan peserta
- Pilihan Destinasi
- Tiket penerbangan
- Maklumat tambahan

### 2 Sesi konsultasi untuk keperluan itinerari anda

- Kami akan hubungi anda melalui WhatsApp untuk pengesahan maklumat.
- Sesi konsultasi akan dijalankan berdasarkan keperluan dan permintaan anda.
- Sebut harga akan disediakan mengikut itinerari yang dipersetujui.

### 3 Terma pembayaran

- Pembayaran deposit RM500/orang boleh dilakukan sebagai pengesahan persetujuan sebut harga dan bagi tujuan pelaksanaan urusan tempahan.
- Invois dan resit rasmi akan dikeluarkan oleh pasukan khidmat pelanggan JomJapan sebagai bukti pembayaran.
- Sebarang pertanyaan dan urusan selepas pembayaran deposit, anda boleh berhubung secara terus dengan pasukan khidmat pelanggan kami.
- Pembayaran penuh boleh dijelaskan selewat-lewatnya 2 minggu sebelum tarikh penerbangan.




### 4 Sesi taklimat dan pemberian Tour Voucher

- Sesi taklimat secara atas talian akan diadakan beberapa minggu sebelum perjalanan untuk persiapan sebelum dan semasa di Jepun.
- Tour Voucher yang mengandungi perincian perjalanan anda akan diberikan sebagai panduan dan tips ketika berada di Jepun.
- Kumpulan WhatsApp akan dibentuk bagi urusan penyampaian maklumat serta pengenalan Tour Guide JomJapan.



# Butiran Pembayaran

## Terma & Syarat

### Pembayaran melalui invois



1. Item(s) cost is stated on the previously agreed price between the company and client.
2. The return payment for any service cancelation will be decided by consultation.
3. Refer more terms and conditions here

Please pay full payment to the account below

**Account name: ASUMA TRAVEL SDN. BHD.**
Bank: CIMB
Branch: Pandan Indah
Account no.: 8603548887

- End -

Pay

### Pembayaran melalui bank transfer/DuitNow

Maybank
562254514267

CIMB BANK
8603548887

ASUMA TRAVEL

Terma & Syarat

Polisi Pembatalan



# Soalan Lazim

## Destinasi Pilihan



Setiap destinasi di Jepun menawarkan pengalaman yang berbeza. Berikut merupakan rujukan ringkas mengenai beberapa pakej yang ditawarkan, berserta cadangan tempat menarik yang boleh dilawati!

### Pakej Osaka-Kyoto

**Alami Budaya & Sejarah Jepun!**

- Terokai alam semula jadi Kansai
- Nikmati keunikan budaya tradisional Jepun dengan lebih santai dan relaks

### Pakej Hokkaido

**Untuk Pencinta Salji & Nature!**

- Salji, gunung, padang bunga & pemandangan yang luar biasa
- Alami pengalaman budaya yang unik di bahagian utara Jepun




### Pakej Tokyo

**Pakej Paling Popular!**

- Syurga beli-belah dan mercu ikonik seperti Tokyo Tower & Skytree
- Alami kehijauan bandar di tengah kota seperti Ueno & Shinjuku Gyoen

### Pakej Osaka-Tokyo

**Pakej Full Experience di Jepun!**

- Sesuai untuk first-timer ke Jepun
- Gabungan bandar moden & budaya klasik

**Petunjuk**

- Pakej Tokyo
- Pakej Hokkaido
- Pakej Osaka-Kyoto
- Pakej Osaka-Tokyo



# Soalan Lazim
## Cuaca & Musim di Jepun

Setiap musim di Jepun mempunyai tarikan yang berbeza, menjadikan Jepun sebagai destinasi percutian yang sesuai untuk dilawati pada semua musim.




### Musim Sejuk

Disember — Februari | -10°C - 13°C




### Musim Bunga

Mid-April — Mid-Jun | 12°C - 24°C

Cuaca & suhu adalah bergantung kepada ramalan semasa.




### Musim Panas

Julai — September | 25°C - 35°C




### Musim Luruh

Oktober — November | 10°C - 20°C



# Soalan Lazim

## Panduan Tahap Status Halal

Walaupun terdapat lebih 30 badan pensijilan halal di Jepun, hanya 6 yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM):

1. Japan Muslim Association
2. Japan Halal Association
3. Japan Islamic Trust
4. Muslim Professional Japan Association
5. Nippon Asian Halal Association
6. Japan Halal Foundation

### Tahap Status Halal

Kami mengutamakan piawaian Halal dari Tahap 1 hingga Tahap 2. Untuk pilihan Tahap 3 seperti makanan jalanan, Tour Guide JomJapan akan membantu mengesahkan sekiranya ia disediakan menggunakan bahan dan cara penyediaan yang Halal.

**1**

- Mempunyai 100% menu dan sijil halal
- Dimiliki dan diuruskan oleh Muslim
- Tidak menghidangkan alkohol di premis

**2**

- Mempunyai menu dan sijil halal
- Terdapat alkohol di premis kerana budaya tempatan tetapi dijual dan dihidang secara berasingan

**3**

- Bahan-bahan dan kaedah penyediaan makanan yang halal tetapi tidak bersijil kerana kekangan kewangan




SSM: Asuma Travel Sdn. Bhd. (1310173-P / 201901000847) | MOTAC: L/N/11970